



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM *FOREST BATHING SIRI 2 TAHUN
2024 DAN PENANAMAN POKOK BAKAU*
SEMPENA SAMBUTAN HARI MIGRASI BURUNG
SEDUNIA (*WORLD MIGRATORY BIRD DAY*)
TAHUN 2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 MEI 2024 (KHAMIS)
8.30 PAGI**

**SUNGAI TEMBUS, PENAGA
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Encik Tan Choo Eng
Pengerusi Malaysian Nature Society (MNS)

Yang Dihormati Encik Muhd Ali Hamzah
Ketua Unit Nelayan Sungai Tembus

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Dr. Foong Swee Yeok
Senior Lecturer
Universiti Sains Malaysia

Yang Berusaha Encik Izzul Rahimt Bin Ibrahim
Pengurus Besar
Persatuan Nelayan Kawasan Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Zamberi bin Saad
Pengerusi MPKK Bakau Tua

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Program Forest Bathing Siri 2 Tahun 2024 dan Penanaman Pokok Bakau Sempena Sambutan Hari Migrasi Burung Sedunia (World Migratory Bird Day) Tahun 2024 di Sungai Tembus, Penaga, Seberang Perai Utara.**
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Encik Tan Choo Eng, Pengurus *Malaysian Nature Society* (MNS); MPKK Kawasan; para penduduk setempat; para peserta Program *Forest Bathing* dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi yang berbahagia ini. Penghargaan juga kepada urusetia penganjuran program ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.
3. Selaras dengan pelaksanaan strategik “Gaya Hidup Sihat” dalam Pelan Strategik Seberang Perai Tahun 2023 – 2030, pelbagai manfaat

kesihatan dan rekreasi dapat diperolehi melalui program *Forest Bathing* ini. Pelaksanaan program *Forest Bathing* ini adalah sejajar dengan Wawasan Kerajaan Negeri iaitu *Penang 2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation.*

4. Program ini bersifat ‘people centric’ dan melibatkan komuniti setempat, warga tua dan kanak-kanak. *Forest Bathing* membawa maksud menghirup udara segar di hutan. Ianya telah diperkenalkan di Negara Jepun pada tahun 1980an dengan gelaran dalam bahasa Jepun sebagai “*Shirin-Yoku*” dan telah menjadi asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun. Ianya merupakan satu aktiviti riadah / rekreasi ringkas yang melibatkan lawatan singkat dan santai ke kawasan hutan hijau sediada.
5. Program *Forest Bathing* merupakan aktiviti yang tidak memerlukan tenaga yang banyak dan tidak menggunakan wang ringgit tetapi dapat menyihatkan tubuh badan. Selain itu juga, aktiviti *Forest Bathing* ini boleh dilaksanakan bersama keluarga sekaligus dapat mengeratkan silaturahim sesama keluarga. Program ini dianjurkan secara percuma yang meliputi ketiga-tiga daerah dan terbuka kepada seluruh penduduk Seberang Perai. Peserta yang terlibat adalah terdiri dari kakitangan MBSP, agensi-agensi kerajaan / swasta dan orang awam.

6. Pada tahun 2024, MBSP telah merancang penganjuran Program Forest Bathing di enam (6) lokasi dan hari ini merupakan lokasi *Forest Bathing* yang kedua (2), iaitu di Sg Tembus, Penaga. Seramai lebih kurang 150 peserta, yang terdiri dari Ahli-Ahli Majlis MBSP, Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, kakitangan MBSP, Pelajar-Pelajar USM, ahli-ahli *Malaysian Nature Society* (MNS), MPKK kawasan, penduduk setempat dan orang awam yang mengambil bahagian dalam program *Forest Bathing* dan juga Program Penanaman Pokok Bakau.
7. Program Penanaman Pokok Bakau ini adalah sempena Hari Burung Hijrah Sedunia (*World Migratory Bird Day*) yang disambut pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Mei dan Oktober setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung kepentingan pemuliharaan burung hijrah dan ekosistem mereka pada peringkat global.
8. Migrasi burung ialah proses perpindahan burung dari satu kawasan ke kawasan yang lain dalam satu tempoh tertentu. Pada waktu tertentu dalam setahun, burung melakukan migrasi dari negara asal seperti China, Rusia, Jepun, Korea. Keadaan negara asalnya yang sejuk menjadikan keadaan sekelilingnya tidak sesuai untuk didiami dan ini

mendorong burung bermigrasi ke negara-negara yang mengalami cuaca yang lebih panas untuk mendapatkan perlindungan dan sumber makanan.

9. Setiap tahun, terdapat beribu-ribu burung hijrah bermigrasi melalui laluan ***East Asian-Australasian Flyway*** (EAAF). Burung-burung ini melakukan penghijrahan dari negara asal mereka dan akan singgah di negara-negara dalam laluan ***East Asian-Australasian Flyway*** (EAAF) untuk mencari perlindungan, berehat dan mendapatkan makanan sebelum terbang ke destinasi lain. Malaysia bertuah kerana merupakan salah satu daripada negara yang berada di laluan ***East Asian-Australasian Flyway*** (EAAF).

10. Kawasan di sekitar Sungai Tembus, Penaga merupakan salah satu kawasan persinggahan burung-burung berhijrah dan juga kediaman burung air tempatan. Kawasan pesisiran pantai dari Teluk Air Tawar sampai ke Kuala Muda termasuk Sungai Tembus ini, iaitu sepanjang lima kilometer telah dijadikan kawasan Penting Burung dan Biodiversiti atau *Important Bird and Biodiversity Area* (IBA). Kawasan ini diiktiraf sebagai 'flyway site' iaitu kawasan yang burung itu singgah di sini apabila musim sejuk di utara.

11. Secara lazimnya, dianggarkan bahawa lebih 15,000 ekor burung migrasi dari Timur Laut Benua Asia termasuk Rusia, China, Jepun dan Korea datang singgah di kawasan ini setiap tahun. Kawasan ini juga terdapat sekurang-kurangnya 3,000 burung air tempatan seperti bangau, pucung, sintar, pangling, tiong air, ayam-ayam, ruak-ruak, upeh dan komoran.
12. Ini memerlukan kawasan persekitaran dipulihara dan dipelihara dalam mewujudkan ekosistem yang menyediakan habitat kepada pelbagai spesies laut dan pesisiran pantai, termasuklah burung-burung migrasi. Salah satu kaedah pemuliharaan dan penjagaan ekosistem persekitaran adalah melalui penanaman pokok bakau. Terdapat pelbagai kepentingan pokok bakau yang mampu memberi manfaat kepada para nelayan kawasan ini kerana mempunyai nilai ekonomi berganda. Di samping itu, hutan bakau menjadi penampang kepada angin kencang, ribut dan tebatan kepada pantai dan sungai.
13. Pada hari ini iaitu 23 Mei 2024 sempena Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia, MBSP mengadakan Program *Forest Bathing* yang disertakan dengan aktiviti penanaman 300 batang pokok dari spesies Bakau Minyak atau nama saintifiknya *Rhizophora apiculata* di kawasan bakau di tebing Sungai Tembus. Tujuan penanaman ini adalah untuk memelihara dan memulihara kawasan lembap dan

kawasan paya bakau yang menjadi kawasan persinggahan burung hijrah dan juga kediaman burung air. Kesemua peserta program akan berpeluang menikmati pemandangan di kawasan persekitaran Sungai Tembus dan melihat burung-burung migrasi di sekitar kawasan pantai dan hutan bakau.

14. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, pihak urusetia program, semua agensi yang terlibat, dan para penduduk setempat serta para hadirin sekalian yang memberikan komitmen penuh serta bertungkus lumus dalam menjayakan Program *Forest Bathing* pada pagi ini. Marilah kita sama-sama menikmati keindahan alam semulajadi, menghirup udara segar sambil bersenam di kawasan Sungai Tembus ini di samping memainkan peranan dalam penjagaan alam sekitar.

15. Dengan lafaz **Bismillahirrahmaanirrahim**, sukatanya saya melancarkan **Program Forest Bathing Siri 2 Tahun 2024** dan **Penanaman Pokok Bakau Sempena Sambutan Hari Migrasi Burung Sedunia (World Migratory Bird Day) Tahun 2024** di **Sungai Tembus, Penaga, Seberang Perai Utara**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.